

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan mengenai jumlah tenaga boleh diperbaharui yang telah dihasilkan di seluruh negara serta inisiatif-inisiatif lain bagi menggalakkan penglibatan swasta dan GLC dalam penghasilan tenaga boleh diperbaharui.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2020, jumlah kapasiti terpasang Tenaga Boleh Baharu (TBB) di seluruh negara adalah sebanyak 7,836 Megawatt (MW). Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dalam penghasilan TBB di negara ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif seperti berikut:
2. Program *Feed-in Tariff* (FiT) yang menawarkan kadar tarif premium bagi tenaga elektrik yang dijana menggunakan sumber solar, biomas, biogas, hidrokuasa kecil dan geoterma;
3. Program *Net Energy Metering* (NEM) yang membolehkan pemilik bangunan memasang sistem solar PV di atas bumbung dan menjana elektrik untuk kegunaan sendiri. Lebihan tenaga yang dijana boleh dijual ke grid pada kadar tarif yang setara dengan kadar tarif elektrik yang

dibeli daripada syarikat utiliti. Program ini membolehkan pengguna mendapat penjimatan dalam bil elektrik di mana tenaga yang dieksport ke grid akan dikreditkan dalam bentuk kredit tenaga dalam bil pengguna; dan

4. Program *Large Scale Solar* (LSS) yang dilaksanakan melalui proses pembidaan terbuka dan kompetitif. Kaedah bidaan terbuka akan membolehkan tawaran harga yang paling kompetitif diperolehi daripada syarikat-syarikat pemaju berdasarkan prinsip "*least cost option*".

Sekian, terima kasih.